

BENGKEL LAB PROFILE di HEP

Hal Ehwal Pelajar

Telah Dihantar: 19 April 2010 18:28

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

HEPNEWS, 19 APRIL 2010**PEGAWAI HEP IKUTI BENGKEL LAB PROFILE**

Seramai 30 orang pegawai Hal Ehwal Pelajar (HEP) Universiti Utara Malaysia (UUM) mengikuti Bengkel "Language and Behaviour (LAB) Profile" di Bilik Mesyuarat Jabatan HEP selama dua hari mulai hari ini.

Bengkel tersebut dikendalikan oleh Pengarah Pusat Kaunseling UUM, Muhammad Salleh Ahmad Fadzillah dan Pegawai Psikologi, Safinaz Hanoum Omar Anwar yang telah mengikuti bengkel yang sama di Kuala Lumpur baru-baru ini.

LAB Profile adalah satu kaedah yang membolehkan seseorang memahami, meramal dan mempengaruhi kelakuan orang lain yang berkomunikasi dengannya sebagai langkah pertama mencapai lonjakan kuantum dalam komunikasi.

Melalui bengkel tersebut, peserta diajar bagaimana mengenali perkara yang dapat merangsang dan memantapkan motivasi seseorang dan apakah faktor yang membuatkan mereka berkelakuan sebaliknya.

Bengkel tersebut juga mengajar peserta secara spesifik bagaimana menyamakan bahasa dan prosesnya dengan bahasa dan proses orang lain dalam usaha menimbulkan minat dan keinginan mereka.

Menurut Muhammad Salleh, kaedah ini digunakan di serata dunia sebagai alat, antara lain, untuk menimbulkan suasana mesra semasa berkomunikasi, melaksanakan perubahan dalam organisasi, menjamin kepuasan pelanggan, merekabentuk kempen pemasaran dan pengiklanan, memilih pekerja yang bermotivasi dan memudahkan kaunseling kerjaya.

